

Garis Panduan

PERMOHONAN BANTUAN / SUMBANGAN

Edisi 2026/2027

- *"Kebaikan yang anda tabur hari ini mungkin menjadi pelindung yang menyelamatkan anda di kemudian hari."*



Layari Portal Rasmi
ypsprm.org.my



Senarai Kandungan

01

Aluan Pengerusi

02

Pengenalan YSPRM

03

Keahlian & Yuran

04

Tatacara Permohonan

05

Peringatan Mesra

06

Insentif Komitmen

07

Insentif Kecemerlangan

08

Bantuan Masuk Wad

09

Bantuan Kematian

10

Bantuan Khairat

11

Bantuan Bencana

12

Bantuan Penyakit Kritikal

13

Bantuan Ihsan

14

Bantuan Kemasyarakatan

15

Ahli Jawatankuasa

16

Penutup



ALUAN Pengerusi



Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya telah diberikan kepercayaan untuk memikul amanah sebagai Pengerusi Yayasan Prihatin SPRM bagi sesi 2026/2027. Kepercayaan ini merupakan satu tanggungjawab besar yang akan saya laksanakan dengan penuh komitmen, integriti dan dedikasi demi memastikan kesinambungan peranan yayasan terus diperkasa.

Sejak penubuhannya secara rasmi pada tahun 2017, Yayasan Prihatin SPRM komited dalam usaha memberi pengiktirafan, meraikan serta menyalurkan bantuan kepada masyarakat, warga SPRM dan ahli keluarga mereka yang memerlukan. Alhamdulillah, sehingga ke hari ini yayasan ini kekal relevan dan berdaya saing hasil sokongan padu serta komitmen berterusan daripada para ahli. Yayasan Prihatin sentiasa menyokong usaha-usaha SPRM dalam memerangi rasuah dan menjalankan fungsi dan tanggungjawab yang berkesan kepada masyarakat. Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Prihatin yang baharu dilantik bagi sesi 2026/2027 akan terus komited untuk memperkukuh pelaksanaan visi dan misi penubuhan yayasan, di samping menambah baik inisiatif sedia ada agar manfaatnya dapat dirasai secara lebih menyeluruh oleh para ahli.

Sesungguhnya, perjalanan Yayasan Prihatin masih panjang dan menuntut perancangan yang tersusun serta strategik. Pelbagai perancangan sedang dan akan dirangka dengan teliti demi memastikan kesejahteraan ahli sentiasa terpelihara. Pada masa ini, sumber kewangan yayasan adalah bergantung sepenuhnya kepada sumbangan ahli serta pulangan daripada simpanan deposit tetap dan pelaburan. Sehubungan itu, pihak jawatankuasa amat mengalu-alukan sebarang bentuk sumbangan dan cadangan idea yang konstruktif daripada semua pihak bagi memperkukuh kedudukan kewangan dan memperluas impak kebajikan yayasan.

Semoga segala usaha yang dilaksanakan ini mendapat keberkatan dan keredaan-Nya serta terus memberi manfaat yang berpanjangan kepada semua pihak yang memerlukan.

Sekian, terima kasih.

Zuhairie bin Abu Bakar

Pengerusi Yayasan Prihatin SPRM



PENGENALAN

Yayasan Prihatin SPRM

Yayasan Prihatin SPRM adalah sebuah pertubuhan kebajikan yang ditubuhkan oleh anggota SPRM untuk memberi pengiktirafan, meraikan dan membantu masyarakat, anggota SPRM serta keluarga anggota SPRM yang memerlukan bantuan kemanusiaan. Penubuhan Yayasan Prihatin SPRM adalah bertujuan menyediakan satu platform kepada SPRM melaksanakan kerja-kerja membantu kelompok masyarakat, anggota SPRM, keluarga, anggota dan kerja-kerja kemasyarakatan sebagai tanda prihatin dan penghargaan SPRM kepada masyarakat yang sama sama menyokong SPRM memerangi rasuah.

Misi

Meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan anggota SPRM serta masyarakat.

Visi

Menjadi yayasan unggul yang memperkukuh budaya prihatin dan integriti.



KEAHLIAN & YURAN

03

Ahli Biasa Pertubuhan ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas dan **sedang berkhidmat di SPRM**. Seseorang yang ingin menjadi ahli hendaklah memohon kepada Setiausaha Yayasan dan mendaftar namanya dan nama warisnya yang lengkap dengan umur dan alamat seperti mana yang terdapat di dalam borang permohonan keahlian melalui Portal Rasmi Yayasan.

Ahli hendaklah membayar yuran pendaftaran sebanyak **RM20.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh sahaja) sebagai Yuran Pendaftaran dan RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh sahaja) sebagai Yuran Tahunan** yang mesti dijelaskan sebelum mesyuarat agung bermula iaitu **sebelum atau pada 28 Feb setiap tahun**. Yuran boleh dibayar melalui akaun Bank Rakyat Yayasan Prihatin SPRM (1100945303). Bukti pembayaran wajib dimuatnaik ke dalam sistem portal rasmi yayasan di pautan ypsprm.org.my untuk pengemaskinian rekod.

Peringatan Penting:

Berkuatkuasa 01.01.2027, yuran tahunan adalah sebanyak RM20.00 berdasarkan usul yang diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-8 pada 25 Februari 2026.

TATACARA Permohonan

04



Ahli perlu membuat semua permohonan melalui Portal Rasmi Yayasan Prihatin di pautan [ypsprm.org.my](https://www.ypsprm.org.my)

Panduan Lengkap Tatacara Permohonan Bantuan Yayasan Prihatin boleh layari video dipautan:

<https://www.youtube.com/watch?v=kBk2iwLwGKE>

Ahli wajib mengemaskini maklumat secara tepat di dalam portal bagi memudahkan segala urusan permohonan dan penerimaan sumbangan/bantuan.

Ahli juga bertanggungjawab untuk mengisi Akuan Penerimaan Sumbangan selepas menerima sumbangan Yayasan. Akuan tersebut perlu dihantar segera kepada Yayasan untuk tujuan rekod dan audit. Kegagalan ahli untuk menghantar Borang Akuan melalui sistem portal boleh menyebabkan penggantungan keahlian dan tidak layak menikmati faedah Yayasan.



PERINGATAN

MESRA

- ✓ Ahli hendaklah menjelaskan yuran tahunan sebanyak RM10 sahaja bagi tahun semasa (RM20 bermula 01.01.2027) sebelum atau pada 28 Februari setiap tahun. Yayasan hanya menerima yuran tahun semasa sahaja, sebarang lebihan bayaran akan direkodkan sebagai sumbangan. Tiada tuntutan bayaran balik daripada ahli.
- ✓ Ahli diberi tempoh lanjutan selama 60 hari iaitu bermula 1 Mac sehingga 30 April untuk menjelaskan yuran tahunan.
- ✓ Ahli akan digugurkan keahlian secara automatik pada 1 Mei tahun tersebut jika gagal menjelaskan yuran tahunan dan notis peringatan akan diberikan oleh Setiausaha
- ✓ Ahli perlu membayar yuran pendaftaran semula untuk melayakkan diri menikmati faedah Yayasan. Ahli yang mendaftar semula keahlian dikira tidak layak menikmati faedah Yayasan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh Setiausaha mengeluarkan resit rasmi penerimaan bayaran yuran pendaftaran dan tahunan tersebut.
- ✓ Ahli yang pertama kali mendaftar akan layak menikmati faedah Yayasan selepas 3 bulan daripada tarikh Setiausaha meluluskan permohonan dan penerimaan bayaran yuran.
- ✓ Semua perubahan dan kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada keputusan Ahli Jawatankuasa Yayasan Prihatin sesi 2026-2027.
- ✓ Garis panduan ini berkuatkuasa pada tahun semasa bagi sesi 2026/2027.

INSENTIF

Komitmen

06



Kelayakan

- Terbuka kepada semua ahli berdaftar
- Status aktif sebagai ahli sekurang-kurangnya 1 tahun

Syarat

- Insentif tersebut berdasarkan permohonan ahli dan kelulusan mesyuarat jawatankuasa
- Permohonan perlu dibuat melalui Portal Rasmi Yayasan
- Sekali tuntutan dalam tempoh 2 tahun kewangan

Kadar

- RM150

Tempoh Permohonan

- Ahli aktif sepanjang tahun



INSENTIF

Kecemerlangan



Kelayakan

- Terbuka kepada semua Ahli yang mempunyai anak termasuk yang sedang sedang belajar di peringkat SPM, STAM, STPM, Diploma dan Ijazah
- Pemberian Insentif tersebut berdasarkan permohonan Ahli dan kelulusan mesyuarat jawatankuasa

Sekali tuntutan dalam tahun semasa

Syarat

- SPM – 8A ke atas
- STPM – 4A lulus penuh
- STAM – 4.00 PNGK Mumtaz
- Diploma – 3.85 CGPA (Semester Akhir)
- Ijazah – 3.85 CGPA (Semester Akhir); dan anak yang mendapat pengiktirafan tertinggi dalam apa jua bidang bakat atau sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa

Kadar

- RM300.00 bagi setiap permohonan

Dokumen Sokongan

- Salinan Slip Keputusan Peperiksaan dengan pengesahan / Salinan Kad Pengenalan / Surat penglibatan / Sijil

Tempoh Permohonan

- Dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh keputusan peperiksaan / penglibatan



BANTUAN Masuk Wad

08



Kelayakan

- Ahli yang masuk wad melebihi 24 jam untuk menerima rawatan (tidak termasuk bersalin)

Syarat

- Di Hospital Kerajaan atau Swasta sahaja

Kadar

- Sekali tuntutan dalam tahun semasa

- 1 hari – RM50
2 hari – RM100
3 hari ke atas – RM250

Dokumen Sokongan

- Salinan Dokumen Hospital dengan pengesahan Pengarah/Ketua Cawangan

Tempoh Permohonan

- Dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh keluar hospital



BANTUAN

Kematian

09



Kelayakan

- Ahli yang kematian pasangan/anak kandung termasuk anak angkat berdaftar & anak tiri (dibawah tanggungan Ahli) / ibu kandung / bapa kandung

Syarat

- Ahli yang berdaftar

Kadar

- RM300.00

Dokumen Sokongan

- Salinan Sijil Kematian

Tempoh Permohonan

- Dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh kematian



KHAIRAT

Kematian



Kelayakan

Syarat

Kadar

Dokumen
Sokongan

Tempoh
Permohonan

Kematian Ahli

- Ahli yang berdaftar

- RM 1,000.00

- Salinan Sijil Kematian
Dokumen bukti sebagai waris

Dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh kematian



BANTUAN

Bencana

11



Kelayakan

Syarat

Kadar

Dokumen
Sokongan

Tempoh
Permohonan

- Ahli / pasangan
- Melibatkan rumah / harta milik Ahli sahaja yang rosak / musnah
- Jika suami & isteri adalah ahli berdaftar, hanya seorang sahaja boleh buat permohonan
- Sekali permohonan dalam tahun semasa
- RM500.00
- Dokumen Pengesahan daripada Pengarah/Ketua Cawangan
Gambar bukti kejadian bencana tersebut
- Dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh kejadian



BANTUAN

Rawatan Penyakit Kritisikal



Kelayakan

Syarat

Kadar

Dokumen Sokongan

Tempoh Permohonan

- Ahli
- Sekali tuntutan dalam perkhidmatan
- RM1,000.00
- Dokumen Hospital daripada Doktor Pakar yang mengesahkan penyakit kritisikal tersebut (45 jenis penyakit kritisikal)
- Dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh pengesahan Doktor Pakar



BANTUAN

Ihsan



Kelayakan

- Keluarga Ahli - pasangan/anak kandung termasuk anak angkat berdaftar & anak tiri (dibawah tanggungan Ahli) / ibu kandung / bapa kandung,

Syarat

- Keluarga kepada Ahli masuk wad akibat penyakit kritikal

- Keluarga kepada Ahli yang terlibat dengan kemalangan menyebabkan kecederaan yang kritikal

- Bantuan pembelian peralatan sokongan perubatan.

Kadar

- RM50.00 sehingga RM300.00
RM500.00 sehingga RM1,000 (pembelian peralatan sokongan perubatan)

Dokumen Sokongan


- Dokumen Hospital daripada Doktor Pakar yang mengesahkan penyakit kritikal
Surat Pengesahan Keluar Hospital
Repot polis (jika kemalangan)
Dokumen pembelian peralatan sokongan perubatan

Tempoh Permohonan

- Dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh kejadian



BANTUAN Kemasyarakatan



Kelayakan

- Terbuka kepada Persatuan / Badan Bukan Kerajaan (NGO) / Jabatan / Agensi / mana-mana individu

Syarat

- Bukan warga SPRM yang sedang berkhidmat
- Melibatkan Program Amal dan Kemasyarakatan serta Kesejahteraan Rakyat

Kadar

- Bantuan Penyakit Kritikal
- Bantuan akibat Bencana
- Bantuan Kemalangan yang kritikal
- Bantuan Kematian (bukan ahli)
- RM 500.00 – RM 10,000



INTAN BAYZURA BIN AMRAN
Bendahari



HOSSEIN BIN ABD RAHIM
Timbalan Pengerusi



ZUHAIRIE BIN ABU BAKAR
Pengerusi



AZWANI BINTI TALHA
Setiausaha



ZARINA BINTI RAMIEE
Pen.Bendahari



MUNIR BIN ISMAIL
Pen.Setiausaha

Ahli Lembaga Pemegang Amanah Sesi 2026/2027



NUR' AZIM BIN AFNI
Publisiti & Komunikasi



MOHD FADZIL BIN MD AMIN
Program & Aktiviti



MUHAMMAD HILMI BIN JUHARI
Kebajikan



NAZNIN BINTI AHMAD ZAHIDI
Keusahawanan & Ekonomi

Hubungi kami

**Empowering
Foundation with
Knowledge**

Work Smarter, Together.



yayasanprihatin@sprm.gov.my



Ibu Pejabat, Putrajaya



ypsprm.org.my

Penutup

Garis Panduan Sumbangan dan Bantuan Yayasan Prihatin bagi tahun 2026/2027 ini disediakan sebagai rujukan rasmi bagi memastikan setiap urusan berkaitan penyaluran sumbangan dan bantuan dilaksanakan secara teratur, telus serta berlandaskan tatacara yang telah ditetapkan. Garis panduan ini diharap dapat memberikan penjelasan yang jelas, mudah difahami dan menjadi panduan praktikal kepada semua ahli dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Dengan adanya garis panduan ini, setiap proses permohonan, pertimbangan dan penyaluran bantuan dapat dilaksanakan secara lebih sistematik, adil dan berintegriti selaras dengan matlamat Yayasan Prihatin untuk menyantuni golongan yang memerlukan secara berkesan.

Adalah diharapkan agar semua pihak dapat mematuhi serta menggunakan garis panduan ini dengan sebaiknya demi memastikan pengurusan sumbangan dan bantuan dilaksanakan dengan lebih cekap, telus dan memberi manfaat yang optimum kepada penerima yang layak. Selain itu, garis panduan ini tertakluk kepada perubahan dan arahan dari semasa ke semasa.



YAYASAN PRIHATIN SPRM

*Ibu Pejabat SPRM
No 2 Lebu Wawasan
Presint 7,
62250 Putrajaya
Wilayah Persekutuan Putrajaya*